

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 24 MAC 2015

RUJUKAN : 7548

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan pembaharuan permit pekerja asing yang diterima oleh kaunter imigresen sejak ia dibuka semula pada 5 Februari 2015 sehingga 28 Februari 2015. Apakah permohonan yang diterima oleh MyEG pada tempoh yang sama dan rasional Kerajaan menggunakan perkhidmatan MyEG secara tiba-tiba pada tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah permohonan pembaharuan permit pekerja asing yang diterima oleh kaunter imigresen sejak ia dibuka pada 5 Februari 2015 sehingga 28 Februari 2015 adalah sebanyak 35,281 permohonan.

Pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*) oleh MyEG secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap JIM, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabat Imigresen.

Untuk makluman, sejak 7 Februari 2011 lagi, KDN telah bersetuju untuk melaksanakan secara rasmi pembaharuan PLKS bagi Pembantu Rumah Asing dan selanjutnya skop kerja yang sama diperluaskan untuk pembaharuan permit kerja bagi pekerja asing, disusuli perjanjian yang ditandatangani antara JIM dan MyEG pada 24 Februari 2012 bagi pelaksanaan perkhidmatan tersebut.

Bermula 1 Disember 2014, pihak Kementerian telah bersetuju untuk melaksanakan *Proof of Concept* (POC) bagi penyeragaman pembaharuan pas lawatan kerja sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian (*online*). Adalah didapati bahawa kesesakan dan masalah berbaris panjang di kaunter telah dapat dikurangkan sebanyak 50% selepas pelaksanaan.

Sebagai langkah awal bagi membolehkan majikan/ syarikat diberi peluang untuk membiasakan diri dengan proses PLKS *Online*, pihak JIM telah membenarkan permohonan lanjutan PLKS melalui kaunter JIM sehingga 28 Februari 2015. Walau bagaimanapun, bagi urusan pembaharuan di kaunter, semua majikan/ pengarah syarikat/ pengurus sumber manusia diwajibkan untuk hadir ke kaunter untuk membuat permohonan dan bagi mengelakkan penglibatan pihak ejen yang tidak sah. Pihak majikan akan diambil pengecaman biometrik bagi memastikan syarikat adalah sah dan pekerja asing yang dipohon adalah mengikut peraturan ditetapkan. Ini adalah kerana penglibatan agen yang tidak sah serta individu yang tidak bertanggungjawab boleh memberikan ruang untuk memanipulasi yang boleh memberi kesan buruk terhadap pekerja asing, majikan dan pihak Kerajaan. *Insurance guarantee* (IG) juga diwajibkan bagi setiap pekerja asing dan pihak JIM akan membuat verifikasi pembelian insurans secara online bagi memastikan ketulenan IG.

Pelaksanaan ini diharapkan dapat membuktikan keupayaan untuk meningkatkan kemudahan dan nilai tambah kepada pengguna dan pihak Kerajaan. Pihak Kementerian sentiasa prihatin akan pengurusan pekerja asing dan akan memastikan penambahbaikan secara berterusan.